

## PRESS – ONLINE

<b>Publication</b>	Berita.rtm.gov.my	<b>Day/Date</b>	Mon, 6 May 2024
<b>Section</b>	Nasional	<b>Pageviews</b>	149,700
<b>Headline</b>	Seluruh negara perlu bersatu berdepan cabaran global		
<b>URL</b>	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/seluruh-negara-perlu-bersatu-berdepan-cabaran-global">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/seluruh-negara-perlu-bersatu-berdepan-cabaran-global</a>		



### Seluruh negara perlu bersatu berdepan cabaran global



*Datuk Seri Anwar Ibrahim meluangkan masa melawat reruai pameran tempatan dan antarabangsa di Pusat Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC)*

KUALA LUMPUR, 5 Mei- Negara-negara di seluruh dunia perlu bersatu-padu mendepani cabaran global yang boleh mengancam keselamatan dan kemakmuran sejagat kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perkara itu merupakan seruan jelas untuk meletakkan asas sesebuah negara yang lebih baik.

Ancaman yang semakin meningkat ketika ini mendorong dunia ke arah perubahan sekali gus memerlukan tindak balas kolektif dalam kalangan negara.

"Ia adalah panggilan yang jelas untuk meletakkan asas

untuk dunia yang lebih baik di mana generasi esok boleh berkembang maju dalam keadaan aman, dilindungi oleh pertahanan yang teguh dan strategik perkongsian yang kita pupuk hari ini.

"Tema ini sepatutnya bergema dalam diri kita semua, sebagaimana kita menghadapi landskap global yang semakin berpecah-belah sementara menghadapi cabaran global yang mengancam keselamatan kolektif kita dan kemakmuran," katanya ketika berucap dalam Majlis Perasmian Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) dan Pameran Keselamatan Kebangsaan (NATSEC) Asia 2024 di ibu negara.

Dalam pada itu Perdana Menteri turut menggesa peserta DSA dan NATSEC Asia 2024 untuk saling berkongsi pengetahuan dan inovasi sepanjang acara berlangsung.

Pameran itu dilihat sebagai medium untuk bertukar-tukar teknologi dan idea baharu, demi memperkukuh kerjasama strategik.

"Saya menggesa semua peserta untuk bersama-sama, berkongsi pengetahuan, berinovasi, bertukar-tukar teknologi dan idea baharu, dan menjalin perkongsian.

"Saya percaya bahawa acara dan perbincangan dalam tempoh tiga hari akan datang akan menjadi pemangkin kepada perubahan positif, ke arah masa depan yang terjamin untuk kita dan generasi akan datang," katanya.

Perdana Menteri meluangkan masa melawat reruai pameran tempatan dan antarabangsa di Pusat Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC) di Kuala Lumpur.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof; Menteri Pertahanan Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Saifuddin Nasution turut hadir dalam program itu.